

**KAJIAN PROSES KEDAMAIAAN DI MALAYSIA:
KAJIAN KES DI UNIVERSITI DAN KAWASAN RUKUN TETANGGA**

Mansor Mohd Noor, UKM

Khairol Anuar Kamri, UTHM

Sarjit Singh Gill, UPM

Ummi Munirah Syuhada Mohd Zan, UKM

(2010)

Abstrak

Dialog mampu mengurus identiti dan hubungan etnik dan agama ke arah perkongsian nilai bersama. Kajian ini telah memperolehi manfaatkan pengalaman dari kajian dialog kedamaian sebelum ini yang telah dijalankan di Ethiopia, Afrika. Kajian di Ethiopia itu dijalankan dalam suasana konflik berpanjangan dalam masyarakat yang berperang mengikut perbezaan politik dan suku hingga pemerintahan negara itu menjadi lemah mengurus negaranya. Namun begitu, Malaysia bukan sebuah negara dalam hayat konflik berdarah yang panjang seperti rusuhan etnik 13 Mei. Malahan yang ada berlaku adalah pergaduhan kecil-kecilan di antara etnik seperti di Kampung Rawa, Kampung Medan, Lawas, Sungai Petani, Low Yatt dan terkini, Pekan Asam Jawa, Kuala Selangor. Pergaduhan ini tidak berpanjangan dan terbatas di kawasan kejadian itu sahaja. Api perkauman antara rakyat pelbagai etnik di Malaysia dipanaskan kembali semenjak demokrasi dan pilihan raya menjadi lebih terbuka, terutamanya dalam PRU13, dan didokong oleh media sosial yang bergerak pantas, dalam sekilip saat dan tanpa batas menyalurkan maklumat terkini hingga ke seluruh dunia. Walaupun begitu, Kajian Indeks Ikatan Sosial menunjukkan batas etnik semakin menebal dalam komuniti Cina, India, Melayu, Bumiputera Sarawak dan Sabah semenjak tahun 2013-2014. Malahan Dialog Perpaduan yang telah dijalankan di seluruh negara oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara bersama JPNIN dan KITA menunjukkan rakyat menerima kepelbagaian tetapi tidak senang dengan mempolitikkan etnik dan agama hingga melahir rasa risiko perasaan etnik dan agama dalam hati rakyat di Malaysia. Malaysia boleh belajar dari pengurusan kedamaian di Ethiopia melalui dialog kedamaian untuk merapatkan kefahaman, mengurus perbezaan pendapat dan membina persetujuan bersama dalam masyarakat pelbagai etnik di negara ini.

Kata kunci: **Dialog, Identiti etnik dan agama, Kepercayaan, Pengalaman, Interaksi**